


# Malaysia setuju syor pendekatan hukuman

BH-14/11/2007

## Peraturan dalam Piagam Asean asas hala tuju pertubuhan: PM



**M**ALAYSIA mempersetujui saranan melaksanakan pendekatan menghukum untuk dimasukkan ke dalam Piagam Asean, seiring hasrat menjadikan pertubuhan 10 anggota itu lebih terikat dari segi perundangan, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, Asean perlu melakukan pemantauan dengan lebih teliti ke atas sebarang pelanggaran ketetapan jika pertubuhan itu mahu terus bertahan.

"Saya tiada masalah dengan cadangan itu. Kalau Asean ingin mengekalkan kewujudannya, kita mesti ada peraturan yang saling mengikat," katanya pada sidang media selepas selesai mesyuarat hari pertama Sidang Kemuncak Asean Ke-12 di Shangri-La Mactan Island and Resort di sini, semalam.

Cadangan mengenakan hukuman

itu terkandung dalam laporan Piagam Asean disediakan Kumpulan Tokoh Terkemuka (EPG) yang dikemukakan kepada pemimpin Asean bel marini dan sudah diperakui.

Antara lain, hukuman yang dicanagakan turut membabitkan penggantungan keahlian dan penyingkiran keanggotaan bagi negara didapati melakukan kesalahan yang boleh

**“Asean perlu melakukan pemantauan lebih teliti ke atas pelanggaran ketetapan jika pertubuhan itu mahu terus bertahan”**

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

membawa kepada tindakan itu.

Pada sidang medianya, Perdana Menteri berkata, piagam berkenaan akan menjadi asas terhadap hala tuju serta masa depan Asean.

"Walaupun anggota Asean mempunyai pelbagai corak pentadbiran negara, saya yakin kita boleh mencapai persetujuan dan persefahaman demi kepentingan bersama.

"Proses integrasi Asean yang lebih mendalam sedang berlaku dan kami mesti saling memahami... ia adalah apa yang dipanggil penyatuan dalam kepelbagaian.

"Malah, ketika berbincang mengenai (piagam) malam tadi (kelmarin), apa yang berlaku cuma perbezaan pendapat dan bukannya tentangan," katanya.

Mengenai pandangan negara anggota lain berhubung pendekatan menghukum itu, Abdullah berkata, beberapa pihak menganggap ia tidak perlu dilaksanakan, manakala sebahagian lagi membangkitkan kaedah yang akan diguna pakai dalam membuat pendekatan.

Katanya, mereka ingin mengetahui sama ada ia membabitkan proses

pengundian atau suara majoriti tetapi perkara itu akan ditentukan kelak.

Laporan EPG itu kini dijadikan panduan oleh Pasukan Khas Peringkat Tertinggi (HLTF) untuk merangka draf Piagam Asean bagi dikemukakan pada Sidang Kemuncak Asean ke-13 yang dijadualkan di Singapura, Disember depan.

Sementara itu, mengenai tindakan China dan Russia menolak resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) supaya Myanmar membebaskan tahanan politik dan mempercepatkan proses demokrasi di negara itu semalam, Perdana Menteri berkata, ia membabitkan soal prinsip.

"Berkali-kali kita tegaskan bahawa apa yang berlaku di Myanmar bukannya isu keselamatan yang boleh mengancam rantau ini.

"Ia bukan masalah untuk dibincang pada peringkat Majlis Keselamatan PBB, tetapi pentas rundingan lain," katanya sambil menambah Perdana Menteri Myanmar (Gen Soe Win) sudah memaklumkan perkara itu kepada pemimpin Asean.